

Nurul Amalina Abd Samad,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Perak.



E-SULAM RANGSANG KESEJAHTERAAN HIDUP OKU

Pandemik COVID-19 telah memberikan impak besar dalam bidang pendidikan di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Dahulu, pembelajaran dan pemudaharaan (PdPc) berlaku secara bersemuka di dalam bilik darjah, namun kini segalanya dilaksanakan secara dalam talian. PdPc secara dalam talian menjadi medium utama untuk semua peringkat pendidikan, iaitu pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan juga Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Disebabkan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut mengubah pelaksanaan program Service-Learning Malaysia (SULAM) kepada E-SULAM. Hal ini amat penting kerana menerusi E-SULAM, pelajar IPT bukan sahaja dapat membantu untuk menyelesaikan isu masyarakat, bahkan dapat meningkatkan sosioekonomi setempat.

Kewujudan program E-SULAM membantu memudahkan proses khidmat masyarakat antara pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Dalam situasi pandemik hari ini, pelajar UPSI tetap kekal aktif dalam menyampaikan khidmat masyarakat menerusi Bengkel Kraftangan Virtual Mainan (YOYO) dengan kerjasama daripada Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK). Malahan, dengan adanya bengkel ini, ramai Orang Kurang Upaya (OKU), ibu bapa dan guru turut tampil

untuk bersama-sama belajar untuk menghasilkan YOYO. Program ini dimulakan dengan sesi pengenalan bahan-bahan dan seterusnya diikuti dengan PdPc untuk membuat YOYO. Tidak kurang juga, perkongsian berkaitan dengan cara bermain YOYO dengan betul bagi golongan OKU.

Para sarjana mendapati bahawa majoriti OKU tidak memenuhi cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu melakukan aktiviti fizikal selama 60 minit dalam sehari (WHO, 2018). Hal yang sama turut berlaku kepada OKU di YOKUK. Tinjauan awal mendapati bahawa majoriti mereka lebih terdedah kepada aktiviti sedentari semasa pandemik COVID-19. Oleh itu, bengkel sebegini amat penting untuk meningkatkan tahap kesihatan OKU kerana menerusi penyampaian penghasilan YOYO, diharapkan OKU dapat mengaktifkan badan serta minda mereka melalui sukan YOYO bersama-sama keluarga di rumah. Malah, para pengkaji turut bersetuju bahawa sukan YOYO merupakan cara terbaik untuk semua peringkat umur berseronok.

Seterusnya, secara tidak langsung bengkel ini juga dapat membentuk OKU yang kreatif. Dengan bahan yang murah serta mudah dicari, OKU bukan sahaja mampu untuk menghasilkan YOYO, bahkan boleh mempelbagaikan reka bentuk YOYO tersebut mengikut

daya pemikiran dan kreativiti mereka sendiri. Penghasilan YOYO secara kreatif juga dapat dijadikan sebagai bahan jualan. Dengan kata yang lain, YOYO juga boleh menjadi sumber tambahan bagi menambah pendapatan OKU semasa musim pandemik COVID-19. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk mencari pendapatan sampingan bagi menara kehidupan harian mereka dan juga akan membuatkan golongan OKU ini sentiasa berkeyakinan dan positif untuk memajukan diri mereka.

Selain itu, bengkel ini turut menyebarkan maklumat berkaitan dengan pertandingan YOYO yang diadakan di dalam dan di luar negara, terutamanya kepada OKU yang ingin serius dalam sukan YOYO. Penglibatan OKU dalam pertandingan ini sebenarnya dapat membina daya saing yang tinggi dalam diri mereka. Selain itu, pertandingan ini juga menjadi platform untuk mengoptimalkan potensi OKU yang lebih cemerlang setara dengan rakan mereka yang tipikal.

Kesimpulannya, bengkel sebegini dapat memberikan impak yang baik khasnya kepada golongan OKU dan amnya kepada masyarakat. Diharapkan, program E-SULAM terus dipergiatkan dan tidak terhenti semasa pascapandemik COVID-19 agar golongan OKU di Malaysia terus memperoleh manfaat serta dapat memperbanyak lagi peluang untuk mereka menjadi usahawan. 📌